

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga suku kedua 2019, berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas yang masih belum mendaftar sebagai pengundi dan apakah langkah yang diambil bagi mengurangkan jumlah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga **31 Mac 2019**, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang belum mendaftar sebagai pemilih adalah seramai **3.99 juta orang**. Berhubung dengan langkah yang diambil bagi mengurangkan jumlah tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memastikan lebih ramai warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih. SPR telah **menyediakan pelbagai saluran pendaftaran** iaitu kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri dan semua Pejabat Pos di seluruh negara.

SPR turut mengadakan pelbagai program dan aktiviti kesedaran pengundi di samping menyediakan kemudahan pendaftaran melalui program turun padang (*outreach*) di tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti di pusat membeli-belah, kawasan penempatan penduduk, pusat

rekreasi, institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan pusat-pusat latihan.

Selain itu, SPR juga menyediakan kemudahan pendaftaran pemilih **melalui karavan SPR** yang menasaskan tempat-tempat terbuka seperti di tapak-tapak pameran. SPR **sentiasa terbuka untuk menerima sebarang jemputan program** yang menasaskan matlamat untuk memberikan kemudahan perkhidmatan secara terus khususnya dalam urusan pendaftaran pemilih kepada semua lapisan masyarakat.

Bagi mendekati warganegara khususnya golongan muda, SPR melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah memperkenalkan **Program Pendidikan Pengundi** mulai tahun 2017. Program ini bertujuan untuk **memberi kefahaman terhadap proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia** di samping menjawab isu-isu yang kerap dibangkitkan semasa pilihan raya. Dengan kesedaran dan kefahaman tentang proses demokrasi dan pilihan raya ini, maka mereka akan berminat untuk mendaftar sebagai pemilih dan keluar mengundi semasa pilihan raya.

SPR juga telah memperkenalkan **Program APR Associate Trainer** atau lebih dikenali dengan nama **AAT**. Melalui program tersebut, SPR dapat melatih lebih ramai penceramah dan jurulatih yang mampu untuk bersama-sama dengan APR bagi menyampaikan maklumat tentang proses pilihan raya di Malaysia dan memberikan kesedaran untuk mendaftar sebagai pemilih kepada pelajar sekolah dan masyarakat umum di seluruh negara. AAT dipilih daripada kalangan mahasiswa universiti yang mempunyai tahap kesukarelawananan serta menunjukkan komitmen yang tinggi.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, SPR diperuntukkan kuasa di bawah Seksyen 8(1)(e) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) untuk melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang difikirkan perlu untuk **membantu SPR dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih**. Pada masa kini, terdapat **5 kategori PPP** yang ditetapkan oleh SPR iaitu **wakil jabatan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan, wakil universiti, wakil pelajar dan wakil swasta**.

Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan jumlah pendaftaran pemilih, SPR telah **bersetuju untuk membenarkan semula pelantikan PPP (Wakil Parti Politik)** bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Berhubung dengan perkara ini, SPR sedang **mengemas kini dan memperkemaskan *Standard Operating Procedures*** sedia ada sebelum pelantikan tersebut dapat dilaksanakan kelak. Pemakluman mengenai keputusan pelantikan ini akan dibuat kepada semua parti politik yang berdaftar secara bertulis dalam tempoh terdekat.

Sekian, terima kasih.